Inovasi adalah perkara yang penting dalam kehidupan kerana dapat memberikan faedah yang sangat menguntungkan kepada kita. Contohnya, inovasi yang telah disiapkan oleh murid tersebut telah memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mengukur saiz kaki dalam masa kurang daripada 3 saat.

## Kemahiran Membaca

### Praktis I

1 Seorang wanita dari bandar Simanggang iaitu Imelda Bragie anak Jimie telah berjaya mencipta straw daripada beras huma.

- 2 Idea untuk mencipta inovasi ini tercetus apabila beliau melihat beras hancur daripada perusahaan padinya tidak mempunyai nilai pasaran yang tinggi.
- 3 Bahan asas yang terdapat straw ini ialah beras putih, beras merah dan beras hitam.
- 4 Kebaikan menggunakan straw daripada beras huma ialah memberi kesan positif kepada kelestarian alam sekitar.
- 5 Straw ini mampu bertahan selama dua hingga lima jam jika digunakan dalam air panas manakala lima hingga sepuluh jam sekiranya air sejuk.

## Praktis 2

Ilmu	Nilai
1 Ilmu tentang pengurusan perniagaan	Tidak membazir kerana menggunakan bahan yang kurang nilai pasrannya.
2 Ilmu sains	Bijak menghasilkan campuran beras menjadi straw
3 Penjagaan alam sekitar	Menghargai alam sekitar dengan penggunaan straw daripada bukan bahan kimia.

## Sistem Bahasa

### Praktis 1

1 Ayat tunggal :  
Mereka mengukur bahan logam dengan teliti sebelum meneruskan langkah seterusnya.

Ayat majmuk:  
Ayah dan Ali mengukur bahan logam dengan teliti sebelum meneruskan langkah seterusnya.

2 Ayat tunggal :  
Selepas selesai mengukur, mereka menanda pada setiap tempat yang hendak dipotong.

Ayat majmuk:  
Selepas selesai mengukur, mereka menanda dan menggaris pada setiap tempat yang hendak dipotong.

3 Ayat tunggal :  
Abang memotong beberapa batang logam. Ayah membuang sisa logam tersebut.

Ayat majmuk:  
Abang memotong beberapa batang logam manakala ayah membuang sisa logam tersebut.

4 Ayat tunggal :  
Selesai memotong mereka menyambung logam itu. Mereka menggunakan mesin yang baharu dibeli ayah.

Ayat majmuk:  
Selesai memotong mereka menyambung logam itu dengan menggunakan mesin yang baharu dibeli ayah.

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

- 1 Antara faedah yang diperoleh sekiranya inovasi digunakan dalam kehidupan ialah dapat meningkatkan kualiti hidup.
- 2 Selain itu, inovasi juga dapat mencipta pasaran baharu sama ada pasaran dalam negara ataupun luar.
- 3 Sudah tentu, inovasi yang menggunakan bahan semula jadi akan dapat memelihara ekosistem dan alam sekitar.
- 4 Inovasi juga dapat mengurangkan risiko kebergantungan terhadap sumber manusia dan menggunakan sepenuhnya kemampuan hasil inovasi tersebut.
- 5 Selaras dengan Sistem Pendidikan, inovasi perlu diterapkan daripada murid-murid sekolah rendah lagi.
- 6 Sekiranya inovasi ini berkesan, sudah pasti dapat memperluas jangkauan produk sedia ada.

## TEMA 7 PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

### UNIT 19 PENTERNAKAN JANAKAN PENDAPATAN

## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

### Praktis 1

- 1 Pameran Ladang Arnab Terbesar di Melaka 2025.
- 2 1 Jun 2025.
- 3 memberi peluang kepada ahli kelab untuk melihat secara langsung proses penjagaan arnab.
- 4 melawat kawasan persekitaran penternakan,

melihat dan belajar cara penjagaan arnab serta bermain dengan arnab di dalam kawasan penternakan.

### Kemahiran Membaca

#### Praktis 1

- Menerima tempahan ikan pekasam untuk sekitar Kawasan Pelabuhan Klang, Klang dan Shah Alam
- Jenis ikan yang ada ialah ikan lampam, terubuk, gelama dan tilapia
- Harga bagi satu bekas ialah RM4.50

### Sistem Bahasa

#### Praktis 1

Teguh di sini pohon yang indah,  
Bunga melati gugur ke bumi,  
Waktu ini terbukti sudah,  
Pokok Jati penjana ekonomi.

Pokok Keman tumbuh sekata,  
Rumpun keladi ubi berisi,  
Kaedah tanaman kini tercipta  
Pokok Padi terima inovasi.

#### Praktis 2

- 1 Ibu saya bekerja di ladang penternakan ayam sejak 2 tahun yang lalu. (✓)
- 3 Hajar sedang melayari Internet di dalam biliknya. (✓)
- 4 Keluarga Encik Aziz telah berpindah ke Ampang. (✓)
- 8 Rafiqah sedang bermain dengan anak patungnya. (✓)
- 9 Pemandangan di tepi pantai sangat indah. (✓)
- 10 Kim Wah seorang yang rajin dan baik hati. (✓)

#### Praktis 3

- |              |               |
|--------------|---------------|
| 1 mengapakah | 6 bila        |
| 2 bilakah    | 7 mana        |
| 3 Apakah     | 8 Apakah      |
| 4 Siapakah   | 9 Apakah      |
| 5 mana       | 10 Mengapakah |

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

- 1 Tangkap kera memakai kawat,  
Kera kurus tak pernah makan,  
Penternak sejahtera negara kuat,  
Pemerintah harus beri perhatian.
- 2 Kalaulah cukup membawa beras,  
Hendak berlauk carilah ikan,  
Kalau hidup bekerja keras,  
Tidakkan suntuk mencari makan.
- 3 Teguh di sini pohon yang indah,  
Bunga melati gugur ke bumi,  
Waktu ini terbukti sudah,  
Menternak ayam penjana ekonomi.
- 4 Batang ditarah dauh dibelah,  
Hendak digapai pucuknya tinggi,  
Keringat diperah budi terserlah,  
Hasrat tercapai tak mungkin tinggi

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 2

Kesalahan	Pembetulan
Kotak atau tayar buruk yang beralas rumput, jerami, atau kain disediakan untuk angsa bertelur.	Kotak atau tayar buruk yang beralaskan rumput, jerami dan kain disediakan untuk angsa bertelur.
Kadang kala angsa boleh diberi makanan rumput, batang pisang muda, sayur, soya hampas dan daun pandan.	Kadang kala angsa boleh diberi makan rumput, batang pisang muda, sayur, soya hampas dan daun pandan.
Angsa yang menghasilkan telur lebih banyak pada tahun kedua berbanding dengan tahun pertama.	Angsa akan menghasilkan telur lebih banyak pada tahun kedua berbanding dengan tahun pertama.

Pakar menyarankan suhu yang paling baik sekali untuk menyimpan telur angsa adalah antara tujuh darjah Celsius sampai 13 darjah Celcius.	Pakar menyarankan suhu yang paling baik untuk menyimpan telur angsa adalah antara tujuh darjah Celsius sampai 13 darjah Celcius.
Selepas telur menetas, anak angsa telah diletakkan di dalam tempat mengeraman selama tiga hingga tujuh hari sehingga bulunya kering.	Selepas telur menetas, anak angsa akan diletakkan di dalam tempat pengeraman selama tiga hingga tujuh hari sehingga bulunya kering.

- 5 makna : keperluan untuk hidup  
ayat : Suamilah yang berkewajipan berusaha mencari sara hidup dalam sesebuah keluarga
- 6 makna : persediaan  
ayat : Bekalan makanan hanya perlu dibawa setakat yang mampu sahaja
- 7 makna : sudah dipakai  
ayat : Baju lama sudah tidak terpakai oleh Abu kerana terlalu banyak.
- 8 makna : kota  
ayat : Ibu kota negeri Pulau Pinang berkembang pesat sejak tahun 2020 lagi.

## UNIT 20 REZEKI DARIPADA TANAH

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur Praktis I

berkebun boleh menjadi terapi bagi seseorang. Selain itu, berkebun jugak dapat mengeluarkan peluh semasa menanam beberapa tanam di sekitar rumah. Selepas itu, berkebun juga dapat menjimatkan kerana keperluan bahan makanan sudah tersedia. Secara tidak langsung, dengan berkebun juga dapat menjadikan dunia dalam keadaan yang baik. Akhir sekali, berkebun juga dapat menjadikan rumah lebih kemas dan landskapnya lebih menarik.

### Kemahiran Membaca Praktis I

- 1 makna : surat edaran  
ayat : Siaran itu dikeluarkan melalui akhbar-akhbar dan beribu-ribu risalah yang ditaburkan.
- 2 makna : pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu  
ayat : Konsep demokrasi tidak bererti kebebasan yang tidak terbatas.
- 3 makna : rancangan yang ditentukan  
ayat : Tiket-tiket sedang dicetak dan program sedang disusun.
- 4 makna : perlu atau kewajipan  
ayat : Keperluan akan air bersih sangat terasa di sesetengah kampung.

### Sistem Bahasa Praktis I

- 1 A  
2 B  
3 B  
4 A  
5 A  
6 A  
7 A  
8 A  
9 D  
10 A

### Kemahiran Menulis Praktis I Pendahuluan

- Sekolah telah mengadakan rombongan ke Perlis
- Beberapa tempat menarik seperti Ladang Harum Manis
- 30 orang murid dan 4 orang guru

### Isi-isi Penting

#### Isi 1

- Tiba di Ladang Harum Manis
- Disambut oleh tuan ladang yang sangat peramah
- Ladang tersebut sangat kemas dan bersih

#### Isi 2

- Program pertama – dibawa mengelilingi ladang
- Tuan ladang memberikan penerangan tentang jenis-jenis buah yang ada di sana
- Banyak sesi soal jawab berlangsung

### Isi 3

- Sesi yang ditunggu-tunggu
- Berpeluang memetik dan merasai sendiri kesegaran buah tersebut
- Sangat manis dan berpuas hati

### Penutup

- Pengalaman yang tidak dapat dilupakan
- Ingin menyertai lagi jika diberikan peluang

## UNIT 21 DUNIA TANI DAN TERNAK

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur Praktis I

Pokok kelapa mempunyai banyak kegunaan kepada kita. Hampir setiap bahagian tumbuhan ini boleh digunakan. Oleh itu, pokok kelapa juga digelar pokok seribu guna.

Isi buah kelapa muda boleh dimakan begitu sahaja ataupun dibuat kuih-muih dan biskut. Air kelapa pula enak diminum bagi menghilangkan dahaga dan menyejukkan badan terutamanya pada hari panas. Bukan itu sahaja, isi buah kelapa tua yang telah diparut boleh diperah menjadi santan. Santan digunakan untuk memasak kari dan nasi lemak. Isi buah kelapa juga boleh diproses menjadi minyak, sabun dan marjerin.

Selain itu, batang pokok kelapa yang panjang dan keras sesuai untuk dijadikan titi untuk menyeberangi sungai ataupun parit. Sabut kelapa pula boleh dibuat tali, berus dan bahan api. Tempurung kelapa boleh digunakan untuk menghasilkan cenderamata dan barang hiasan yang cantik. Contohnya, tabung syiling, rantai kunci dan sebagainya.

Di samping itu, daun pokok kelapa boleh dijadikan atap dan dibuat sarung ketupat. Lidinya pula boleh dijadikan pencucuk sate atau diikat untuk dijadikan penyapu lidi.

### Kemahiran Membaca Praktis I

#### Sebab Susu Kambing Segar

- Sumber makanan yang berkhasiat
- Persekitaran yang bersih
- Produk yang asli iaitu tidak bercampur dengan air dan perisa tiruan
- Kambing yang aktif

### Akibat Jika Susu Kambing Tidak Segar

- Mudah mendapat penyakit
- Tidak mendapat khasiat daripada susu asli
- Tidak dapat dipasarkan dengan baik
- Nama baik penternak tercemar

### Sistem Bahasa

#### Praktis I

#### Berbudi Pada Tanah

Terbit sang mentari di pagi hari,  
lelaki muda menyimpan satu rahsia,  
berhasrat menjadi petani berjaya,  
kembang mekar seperti bunga,  
udara nyaman menjadi peneman,  
masih setia berbakti kepada tanah,  
agar usaha menjadi mudah,  
kepelbagai ternakan menjadi taruhan,  
hasil titik peluh berjaya dibuktikan,  
segala keringat berhasil menjadi kejayaan.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis I

Bunga Senduduk Putih mempunyai pelbagai khasiat. Antara khasiatnya ialah dapat membuang angin dalam badan. Keracunan makanan juga dapat dicuci sekiranya kita mengamalkan pengambilan bunga ini. Selain itu, bunga ini juga dapat mencuci darah kotor. Bagi wanita pula, dapat merawat penyakit dalaman mereka. Selepas itu, sudah tentu dapat melancarkan peredaran darah. Pesakit yang mengalami kencing manis dan darah tinggi juga perlu mengamalkan minum air bunga ini. Akhir sekali, dapat juga menjadi penawar kepada penyakit penat dan asma.

## TEMA 8 EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

### UNIT 22 SUMBER EKONOMI

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur Praktis I

- 1 Negeri yang berpotensi untuk dijadikan program inap desa ialah Pahang, Perak, Selangor, Terengganu dan negeri-negeri lain.
- 2 Keunikan kampung di Pahang, Perak, Sarawak dan Sabah ialah sistem kemasyarakatan, kehidupan sosial, keadaan geografi serta sistem ekonomi, boleh menarik perhatian

- pelancong luar untuk mendekatinya.
- 3** Pelancong yang membuatkan mereka lebih memilih untuk pergi ke kawasan luar bandar kerana mereka ingin mengetahui budaya dan cara hidup masyarakat tempatan serta kesenian dan masakan tradisional negara yang mereka lawati.

## **Kemahiran Membaca**

### **Praktis 1**

#### **Isi-isi Penting**

- Belangkas merupakan haiwan yang mengganggu nelayan dengan merosakkan jaring.
- Tangkapan belangkas mampu menjanakan pendapatan yang lumayan.
- Nelayan pinggir bandar telah berjaya mengeksport belangkas ke luar negara.
- Orang ramai perlu mencontohi kejayaan nelayan tersebut.
- Nelayan tersebut telah membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai.

## **Ramalan**

Pada masa hadapan, perusahaan belangkas akan berkembang pesat dan negara kita akan menjadi pengeksport terbesar belangkas dan secara tidak langsung dapat membantu perkembangan ekonomi negara.

## **Sistem Bahasa**

### **Praktis 1**

Indahnya Malaysia di mata dunia,  
Cenderamata sentiasa dijadikan hadiah,  
Mudah didapati di bandar raya,  
Agar nikmat dirasai bersama,  
Anyaman tikar begitu berseni,  
Sangat istimewa sukar dicari,  
Sambutan luar biasa sentiasa diberi,  
Pelanggan datang silih berganti,  
Harga berpatutan menambat hati,  
Pekerja rajin senyum diukir,  
Pakaian kemas dan baik budi,  
Kedai bersih mesti diulangi,  
Semoga maju wahai peniaga,  
Jadikan jujur sebagai pedoman,  
Tingkatkan ilmu supaya geliga,  
Agar boleh menambah cawangan.

## **Praktis 2**

- 1** Ali dinasihati Puan Aishah supaya belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan hampir tiba.
- 2** Pandangan rakyat dalam membangunkan negara ini kerajaan akan ambil kira.
- 3** Keindahan alam semula jadi akan dapat dinikmati para pengunjung semasa bercuti di pulau peranginan itu.
- 4** Pokok rambutan yang reput itu telah ditebang oleh pekerja kontrak itu petang tadi.
- 5** Pokok kelapa pandan di belakang rumah datuk telah saya tebang semalam.

## **Praktis 3**

- 1** Ayah telah mempelawa kawannya masuk ke rumah pagi tadi.
- 2** Kita haruslah saling membantu tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.
- 3** Setiap pagi, kakak akan menjual nasi lemak di hujung simpang itu.
- 4** Kerajaan telah bersetuju untuk memasarkan hasil rekaan Adilah ke peringkat lebih tinggi.

## **Kemahiran Menulis**

### **Praktis 1**

- 1** Kelebihan pasar malam ialah terdapat pelbagai barang dijual seperti makanan, minuman dan pakaian.
- 2** Sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijual lebih segar berbanding di tempat lain.
- 3** Pengunjung pasar malam juga boleh tawar-menawar apabila hendak membeli di sana.
- 4** Sudah tentu, harga setiap barang dan makanan akan lebih murah dijual kerana kos sewa gerai di sana tidak tinggi.

## **Praktis 2**

**Penambahbaikan yang perlu dibuat untuk menarik lebih ramai pelanggan ke pasar malam.**

- 1** Kemudahan tandas awam.
- 2** Laluan pejalan kaki lebih selesa dan tidak kotor.
- 3** Tempat jualan mengikut jenis.
- 4** Luaskan tempat letak kereta.

### Praktis 3

#### Pendahuluan

- Kata alu-aluan
- Tajuk ucapan ialah 'Ketam Nipah Sumber Rezeki'

#### Isi-isi Penting

##### Isi 1

- Jenis-jenis ketam ada di Malaysia
- Pengenalan tentang ketam nipah, saiz, warna dan berat

##### Isi 2

- Tercetus idea untuk menjadi peniaga ketam nipah
- Sentiasa dicari pelanggan luar dan dalam negeri
- Mendapat sambutan menggalakkan

##### Isi 3

- Setelah 3 tahun, mempunyai 3 orang pekerja
- Dapat memasarkan ketam nipah ke luar negeri
- Membuka tempat ternakan ketam nipah

#### Penutup

- Menasihati penonton supaya sentiasa berusaha dan bekerja keras
- Rezeki tidak akan datang bergolek

UNIT

23

USAHAWAN BERJAYA

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

#### Praktis 1

- 1 Pekerja Wazi sebelum bergelar pengedar telur asin ialah pelumba cub Prix negara.
- 2 Idea untuk Wazi menjalankan perniagaan telur asin ini tercetus selepas bertemu dengan pengeluar yang mendermakan telur asin tersebut sebagai sokongan terhadap usaha kebajikan
- 3 Harga jualan yang dijual oleh Wazi bagi satu pek telur asin ialah RM5.

### Sistem Bahasa

#### Praktis 1

- 1 Sungguh petah berbicara peserta pertandingan pidato itu.
- 2 Kerana rasanya yang enak keropok lekor sangat popular di Terengganu.
- 3 Disebabkan hujan lebat yang berterusan

negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir.

- 4 Dirobuhkan oleh pekerja bangunan lama di pinggir bandar.

### Praktis 2

#### Semangat

Semangat diri  
Akalnya tinggi  
Rajin sentiasa bijak mengurus masa  
Jangan berputus asa  
Biar manis mulut  
Jujur bila bicara  
Walau dikeji  
Tabah dengan dugaan  
Belajar sampai mahir merancang  
Walau kerap dipincang  
Sentiasa positif  
Mesti kejayaan meniti.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

#### Perusahaan Ternakan Landak Raya

- Mudah untuk diternak dan cepat membiak selain mempunyai nilai komersial yang tinggi
- Landak ini mudah dijaga kerana mereka susah untuk sakit
- Landak raya ini juga dapat digunakan untuk tujuan perubatan
- Daging landak ini boleh dimasak dengan pelbagai cara

#### Tindakan Untuk Memajukan Perusahaan

- Bekerjasama dengan mana-mana pihak
- Membuat kajian mengenai khasiat landak
- Membiak dan melahirkan landak spesies berdaging
- Memberi pendidikan awal mengenai landak

UNIT

24

BIJAK MENGURUS WANG

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

#### Praktis 1

tindakan Perdana Menteri menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir merupakan satu tindakan yang bijak kerana dapat mengurangkan beban yang ditanggung mereka. Sebanyak 16,167 ketua isi rumah telah menerima Bantuan Wang Ihsan. Selain itu, semua jentera kerajaan perlu terlibat

secara langsung membantu dalam misi pasca banjir ini.

## Kemahiran Membaca

### Praktis I

#### Isi-isi Penting Teks Tabungan Berwarna

- Penabung wang memerlukan disiplin sendiri
- Amalan menabung akan menjadi lebih menarik dan seronok jika dilakukan secara kreatif
- Lokasi tabung juga perlu selamat
- Jangan buka tabung selagi belum cukup tempoh yang dijanjikan

#### Dua rangkap pantun :

Masak meranum buah ara,  
Jatuh sebiji di atas papan,  
Jika berjimat setiap perkara,  
Pasti terjamin masa hadapan.

Ke kedai runcit membeli gula,  
Gula dibeli bersama cuka,  
Sikap menabung amalan mulia,  
Dapat membantu di hari muka.

## Sistem Bahasa

### Praktis I

bijak mengurus wang

بيجق مغوروس واڠ

misi agihan dana

ميسي اكيهن دان

tabungan berwarna

تابوغن برورنا

panduan bijak berbelanja

قندوان بيجق بربلنجا

jimat cermat amalan mulia

جيومت چرمت عملن موليا

misi duit tabungan

ميسي دوءيت تابوغن

## Kemahiran Menulis

### Praktis I

#### Pendahuluan

- Berbelanja memang menyeronokkan, namun perlu berjimat agar tidak boros
- Terdapat banyak cara untuk berjimat ketika berbelanja

#### Isi-isi Penting

##### Isi 1

- Hadkan kunjungan ke pasar
- Tidak perlu ke pasar untuk membeli barang kecil bagi mengelakkan lebih banyak wang dihabiskan
- Beli barang keperluan dan jangan ikut keinginan

##### Isi 2

- Elakkan guna kad kredit
- Sembunyi atau simpan di tempat lain bagi mengelakkan guna secara kerap
- Amalkan pembelian secara tunai

##### Isi 3

- Kurangkan belian secara alam maya
- Tangguhkan belian jika kurang perlu

#### Penutup

- Perlu berjimat untuk kegunaan masa hadapan
- Elakkan amalan membazir

## TEMA 9 INTEGRITI

### UNIT 25 AMANAH SEJAGAT

## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

### Praktis I

pokok bakau amat penting dalam negara kita kerana menjadi habitat dan ekologi hidupan marin serta haiwan-haiwan. Selain itu, pokok bakau juga dapat mencegah hakisan tanah. Tambahan lagi, pokok bakau mampu menjadi penampan angin kencang dan tsunami. Akhir sekali, dapat digunakan untuk menaikkan lagi ekonomi pelancongan negara.

## Kemahiran Membaca

### Praktis I

- 1 Maksud integriti ialah kejujuran dan nilai mulia yang harus dimiliki.
- 2 Setiap peniaga perlu ada nilai integriti dalam perniagaan supaya kekal lama dalam bidang perniagaan yang diceburinya.

- 3 Kesan integriti terhadap negara ialah negara akan berkembang pesat dan maju tanpa sebarang masalah.

## Sistem Bahasa

### Praktis 1

- 1 warganegara
- 2 disalah guna
- 3 pecah amanah
- 4 sistem pencetak automatik
- 5 kakitangan

### Praktis 2

- 1 Bumiputera perlu dibantu walaupun dalam era Malaysia baharu.
- 2 Setelah siap senarai jawatankuasa itu, mereka terus melaksanakan tugas masing-masing.
- 3 Setiap tugas yang diberikan, kita harus menyiapkan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.
- 4 Kerjasama antara dua syarikat itu telah membuahkan hasil yang lumayan.
- 5 Ali secara sukarela telah menjadi pembantu kumpulan itu walaupun dia agak sibuk.

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

- Sekiranya rakan atau sesiapa sahaja mempunyai masalah, sudah tentu dia akan mencari seseorang untuk mendengar segala luahan yang terbuku dalam hatinya. Oleh itu, sebagai rakan yang baik, kita perlu berusaha untuk menjadi pendengar yang baik ketika rakan berkongsi cerita.
- Dalam sesebuah kelas, mesti ada murid yang pandai dan lemah. Kita tidak boleh pinggirkan rakan yang lemah. Oleh itu, kita perlu mencuba untuk membantu guru menjadi tenaga pengajar kepada murid yang lemah.
- Kumpulan akan terjadi sekiranya kita berada dalam satu kelompok yang ramai. Kumpulan juga memerlukan seorang ketua yang mempunyai pelbagai kelebihan. Sekiranya kita dilantik menjadi ketua, kita perlu sentiasa bersemangat ketika memimpin kumpulan.
- Sudah tentu, dalam kalangan kita ada murid yang baik daripada segala aspek. Sekiranya dalam kalangan kita ada murid yang kurang baik, kita perlu menjadi contoh yang terbaik

dalam kalangan murid.

- Kita juga perlu sentiasa mematuhi peraturan. Apabila kita sudah terbiasa dengan peraturan tersebut, diri kita akan menjadi lebih berdisiplin dan tidak akan sesekali melanggar peraturan yang ditetapkan.

UNIT

26

INTEGRITI NADI KEMAKMURAN  
NEGARA

## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

### Praktis 1

- alirkan air pada luka dan keringkan dengan kain bersih. Selain itu, saya akan bersihkan keliling luka dengan kain bersih yang telah dibasahkan dengan antiseptik. Saya juga akan balutkan luka dengan kain bersih atau pembalut luka.
- hentikan pendarahan dengan meletakkan kain bersih pada luka dan tekan menggunakan jari atau tangan. Selain itu, apabila pendarahan berhenti, saya akan balut dengan kain atau pembalut luka. Jika terdapat objek asing seperti paku, kaca atau pisau, saya tidak akan tekan pada luka. Saya akan balut sekeliling objek tersebut dengan kain bersih atau pembalut luka.

## Kemahiran Membaca

### Praktis 1

- 1 Ilmu : Ilmu tentang kekuatan mental dan fizikal  
Nilai : Berdisiplin
- 2 Ilmu : Kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dan pelbagai aspek teknikal dan taktikal  
Nilai : Patuh pada arahan

## Sistem Bahasa

### Praktis 1

- 1 Marwan nama saya.
- 2 Di Jabatan Kebajikan Masyarakat saya bekerja.
- 3 Untuk masyarakat setempat saya sentiasa berkhidmat.
- 4 Laporan daripada masyarakat saya sering terima.
- 5 Dengan seorang lelaki yang tiada tempat tinggal pada suatu hari saya dan rakan sekerja pergi berjumpa.
- 6 Lelaki tersebut di bawah jambatan kami temui.
- 7 Kelihatan tidak terurus dan tidak bermaya lelaki tersebut.

- 8 Kami membawa lelaki itu untuk membersihkan diri setelah berbual.
- 9 Mencari satu bilik sewa sementara kami juga.
- 10 Mencari pekerjaan agar dia dapat menampung perbelanjaannya kami berusaha.
- 11 Kehidupan lelaki itu telah berubah tiga bulan kemudian.

### **Kemahiran Menulis**

#### **Praktis I**

supaya keamanan, keselamatan serta kedamaian negara sentiasa dipelihara. Kesetiaan kepada raja amat penting demi mempertahankan warisan kesultanan di negeri-negeri Melayu sejak sebelum era kemerdekaan. Pada masa yang sama, kita perlu mencurahkan taat setia terhadap negara demi mengelakkan keganasan serta keadaan yang tidak diingini berlaku di Malaysia.

## **UNIT 27 KEJUJURAN ASAS JATI DIRI**

### **Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

#### **Praktis I**

Walaupun dunia kini semakin maju, kita tetap tidak boleh melupakan amalan nilai. Hal ini kerana, nilai murni inilah yang akan menjadikan kita semakin berdisiplin. Pada ketika kita mengejar kemajuan dan kemewahan, pastikan nilai murni kita bergerak seiring.

### **Kemahiran Membaca**

#### **Praktis I**

- 1 Selekoh atau kesengsaraan dalam kehidupan
- 2 Orang yang mendahului sesuatu atau orang yang mengadakan sesuatu majlis
- 3 Perihal atau perbuatan melancarkan (memulakan sesuatu pergerakan)
- 4 Pertimbangan atau perbincangan mengenai buku
- 5 Mengusahakan, mengerjakan atau menyelesaikan
- 6 Pasti, benar, sah dan dapat diakui
- 7 Mencapai atau mempertahankan
- 8 Kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan
- 9 Persekutuan, perkumpulan atau gabungan
- 10 Alat atau perantara untuk berhubung atau bermasyarakat

### **Sistem Bahasa**

#### **Praktis I**

#### **Kata Nama**

- Seorang murid baharu yang baru berpindah ke sekolah itu sangat pemalu.
- Guru telah menasihati murid-murid supaya menjaga buku teks dengan baik.

#### **Kata Ganti Nama**

- Mereka berjaya menyelesaikan tugas itu dengan mudah.
- Beliau telah mendermakan sebahagian hasil pencen kepada sekolah.

#### **Kata Tanya**

- Mengapakah awak masih di sini sedangkan waktu sekolah telah lama tamat?
- Bagaimanakah awak berjaya menjawab soalan yang begitu susah itu?

#### **Kata Seru**

- Amboi, seronok benar nampaknya awak hari ini!
- Wah, cantiknya beg baharu yang baru awak beli ini!

### **Kemahiran Menulis**

#### **Praktis I**

#### **Isi 1**

- Setelah selesai membuat pinjaman buku, mereka ke meja untuk mulakan bacaan
- Mereka kelihatan begitu fokus
- Suasana di dalam perpustakaan begitu sunyi

#### **Isi 2**

- Selepas hampir 20 minit sesi bacaan
- Zuzalee terjumpa satu nota terselit di halaman akhir
- Nota itu kelihatan begitu penting

#### **Isi 3**

- Setelah berbincang dengan Badiuzaman
- Mereka menyerahkan nota itu kepada guru bertugas
- Guru bertugas memuji tindakan mereka

#### **Isi 4**

- Guru bertugas mencari tuan kepada nota tersebut
- Beliau menyerahkan semula nota itu
- Pemilik nota itu meminta maaf kerana tertinggal di dalam buku

25 FEBRUARI 2025.

**Penutup**

- Pemilik nota itu segera berjumpa Zuzalee
- Dia mengucapkan terima kasih
- Dia berjanji tidak akan lalai lagi selepas ini

**UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)****Bahagian A**

1 D    2 C    3 D    4 A    5 C  
6 C    7 A    8 A    9 B    10 C

**Bahagian B****Soalan 1**

- a) minggu hadapan
- b) Hadiah yang diberi oleh Syahmi dan adik-adiknya kepada ibu mereka ialah seutas jam tangan yang sangat cantik
- c) menghulurkan / memeluk
- d) Ibu mereka menahan sebak dan rasa gembira dengan genangan air mata. (✓)

**Soalan 2**

Pada pendapat saya, kita perlulah berhati-hati sebelum melintas jalan supaya selamat dan tidak dilanggar oleh kenderaan yang lalu-lalang ketika itu. Selain itu, kita juga mestilah mematuhi arahan lampu isyarat, tunggu lampu isyarat sehingga berwarna hijau barulah kita melintas di kawasan lintasan belang yang disediakan.

**Bahagian C**

Pada pendapat saya, terdapat pelbagai cara bagi mengelakkan pencemaran sungai. Antaranya ialah murid-murid perlu dididik agar dapat menjaga kebersihan sungai. Sungai juga tidak sepatutnya dijadikan tempat pembuangan sampah sarap. Selain itu, pihak kerajaan pula sepatutnya menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat lagi. Contohnya mengenakan denda kepada mereka yang suka membuang sampah sarap dan sisa buangan ke dalam sungai. Seterusnya, sikap cintakan alam sekitar dengan menjadikan kawasan tepi sungai sebagai taman rekreasi sangat digalakkan. Dengan cara ini, sungai dan kawasan sekitarnya akan jadi lebih terpelihara lagi.

**Bahagian D**

Husnina Dayini binti Iskandar Niza,  
208, Kilometer 10, Taman Ria Mas,

Ke hadapan sahabatku saudari Anis Afifa binti Hasnan, yang berada di Taman Bukit Perdana, Tapah, Perak. Apa khabar saudari? Saya berharap semoga saudari sekeluarga dalam suasana yang ceria selalu. Alhamdulillah, saya seisi keluarga di sini sihat walafiat.

Saudari Anis Afifa yang diingati selalu,

Tujuan saya mengutus surat adalah untuk menceritakan suasana majlis kenduri kahwin. Sebaik sahaja tiba rumah Pak Ngah, kami menikmati hidangan nasi minyak dengan empat jenis lauk yang menambat selera. Saya juga menikmati hidangan tambahan yang disediakan seperti ais batu campur, bubur kacang dan laksa. Setiap hidangan sungguh sedap dan enak belaka.

Kira-kira pukul 12.30 tengah hari, tiba-tiba saya terdengar paluan kompang yang amat gemuruh menandakan pasangan mempelai sudah tiba. Pasangan raja sehari ini mengenakan pakaian songket berwarna biru muda dan pengantin lelaki pula memakai tanjak dan menyisipkan sebilah keris pada sampingnya.

Setakat ini coretan saya untuk mengisi warkah buat kali ini. Sehingga bersua kembali, akhir kata sambutlah salam hormat daripada saya untuk saudari sekeluarga. Wassalam.

Ikhlas daripada sahabatmu,  
*Husnina Dayini*

**UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)****Bahagian A**

1 A    2 B    3 D    4 C    5 C  
6 D    7 D    8 D    9 C    10 B

**Bahagian B****Soalan 1**

- a) Nur Azra Batik.
- b) Kami dapat melihat sendiri teknik dan kaedah moden untuk menghasilkan pelbagai jenis kain batik yang cantik dan berkualiti di kilang tersebut
- c) dipemerkan / dijual

- d) Peluang yang diberi kepada kami ialah melukis corak batik menggunakan canting. (✓)

### Soalan 2

Pada pendapat saya, lampu suluh dapat digunakan pada waktu gelap terutama ketika tiada bekalan elektrik. Selain itu, lampu suluh sangat penting kerana dapat digunakan pada saat kecemasan terutama ketika berkhemah atau berburu di dalam hutan.

### Bahagian C

Pada pendapat saya, masa lapang adalah masa yang terluang selepas waktu persekolahan, hari minggu dan cuti umum. Misalnya, pada masa terluang ini kita bolehlah beriadah atau berjoging untuk menjaga kesihatan rohani dan jasmani. Selain itu, aktiviti bermain layang-layang bersama-sama ahli keluarga juga dapat menghiburkan hati dan menenangkan fikiran. Seterusnya, bagi yang minat memancing pula bolehlah memancing ikan atau udang galah di tepi sungai. Kesimpulannya, aktiviti yang dilakukan mestilah memberi manfaat kepada kita.

### Bahagian D Pendahuluan

format syarahan – kata alu-aluan – nyatakan

tajuk syarahan – Cara-cara Mengurus Kewangan – pengurusan kewangan penting – jaminan masa depan

### Isi-isi Penting

#### Isi 1

- berbelanja dengan bijaknya – contohnya mengutamakan pembelian barang yang diperlukan sahaja – membuat perancangan kewangan dengan rapi

#### Isi 2

- merancang perbelanjaan – membuat senarai pembelian sebelum membeli – elak pembaziran

#### Isi 3

- berjimat cermat ketika berbelanja – membeli barangan keperluan apabila ada potongan harga – elak sikap boros

#### Isi 4

- membuat simpanan wang – simpan wang di tempat selamat seperti bank – membuat rekod simpanan wang – tidak terjerumus dalam masalah kewangan

### Kesimpulan

setiap individu perlu tanam sikap bijak urus kewangan – memiliki ilmu kewangan – celik kewangan – tidak terperangkap dalam masalah kewangan pada masa hadapan

## SINONIM DAN ANTONIM

Bil	Sinonim	Antonim
1	meninggi, mengatas	turun
2	mengambil berat	mengabaikan
3	senyap, sunyi	bising
4	sukar, susah	senang
5	bebas, merdeka	terikat
6	jampi, tiup, hembus	
7	dingin	panas
8	tidak ingat	ingat
9	faedah, kebaikan	
10	menggemparkan	
11	lain dari yang lain	
12	kesulitan	kesenangan

Bil	Sinonim	Antonim
13	banyak kerja	
14	balik	pergi
15	aman, senang	derita
16		ringan
17	cemas, resah	tenang
18		menarik
19	info	
20	berkumpul	
21	selalu, sering	kadang-kadang
22	lambat	awal
23	nyaman, nikmat	pengap
24	tidak kotor	kotor

Bil	Sinonim	Antonim
25		panjang
26		melebihi
27	erat	renggang
28	segar	layu
29		kecil
30	menarik	hodoh
31	kemarau, kontang	basah
32	menyenangkan	sesak
33	panjang	rendah
34	padat	kosong
35	berlarutan	sekejap
36	pulih	sakit
37	abadi	berubah
38	sedikit	besar
39	berkembang, bertambah	menurun
40	menabung	mengambil
41	kehilangan	keuntungan
42	aman, bebas	huru-hara

Bil	Sinonim	Antonim
43	gembira	derita
44	teliti	boros
45	bimbang	berani
46	tiruan, tidak benar tulen	tulen
47	balik	pergi
48	merayap, berkembang	
49	menanam, menabur	mencabut
50	hasrat, cita-cita	
51	rahmat, anugerah	
52	tidak bernasib baik	bertuah
53	berhati-hati	cuai
54	cakna	
55	merebak	
56	terbuka	
57	bencana, malapetaka	
58	roboh	kukuh
59	periksa	
60	ancaman	

### UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1 (UBSA 1)

#### Bahagian A

1 C    2 A    3 A    4 C    5 A  
6 D    7 A    8 C    9 C    10 A

#### Bahagian B

##### Soalan 1

- sayur-sayuran
- Anak-anak Puan Husna iaitu Azra sedang membantu ibunya memilih sayur kangkung dan bayam manakala Mia pula asyik memilih tomato dan cabai besar di pasar tani itu.
- beratur / menimbang
- “Pilihlah sayur yang segar sebelum ditimbang,” pesan ibu kepada anak-anaknya.

##### Soalan 2

Saya segera membantu seorang warga emas buta itu serta mengambil barangan plastik ditangan warga emas dan membantunya melintas jalan raya itu dengan berhati-hati. Saya juga bertanyakan hala tuju warga emas tersebut dan menghantarnya ke destinasi yang dimaklumkan.

#### Bahagian C

Kesihatan merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Sudah semestinya setiap individu menginginkan tahap kesihatan yang baik buat diri masing-masing. Terdapat pelbagai cara untuk kita menjaga kesihatan diri. Antaranya ialah mengamalkan pemakanan yang seimbang seperti lebihkan makan buah-buahan dan sayur-sayuran. Selain itu, kita hendaklah mengamalkan senaman dan bersukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Seterusnya, kita juga perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun. Kita juga perlu mendapatkan tidur dan rehat yang secukupnya supaya badan kita sentiasa segar dan sihat. Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga kesihatan diri kita dengan baik.

#### Bahagian D

##### Pendahuluan:

peperiksaan amat penting untuk menilai keupayaan murid – memerlukan persediaan sebelum peperiksaan – sediakan payung sebelum hujan

## Isi-isi Penting

### Isi 1:

merancang jadual waktu belajar – belajar secara sistematik – melakukan ulang kaji untuk setiap mata pelajaran

### Isi 2:

mengamalkan pemakanan yang berkhasiat – melakukan senaman untuk mendapatkan tenaga – kurangkan stres dan mencergaskan fizikal

### Isi 3:

membuat ulang kaji secara berterusan – elak mengulang kaji di saat akhir – membuat nota ringkas

### Isi 4:

pilih persekitaran yang selesa – belajar dengan tenang dan fokus – siapkan diri dengan maklumat-maklumat yang penting

### Penutup:

menjawab peperiksaan – tawakal dan berdoa

## UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK-2 (UBSA 2)

### Bahagian A

1 C    2 C    3 A    4 B    5 D  
6 A    7 C    8 B    9 A    10 C

### Bahagian B

#### Soalan 1

- merah
- Encik Ismail sekeluarga bersyukur mempunyai motosikal tersebut kerana dapat menghantar anaknya ke sekolah dan pergi ke tempat kerja.
- Motosikal/kilang
- Encik Ismail dan anaknya akan membasuh motosikal setiap hujung minggu.

#### Soalan 2

Sebagai seorang yang prihatin, saya akan menawarkan diri untuk berkongsi payung dengan lelaki tua itu. Kemudian jika hujan semakin lebat kami akan mencari tempat untuk berteduh bersama-sama supaya tidak basah di dalam hujan.

### Bahagian C

Kitar semula ialah proses menghasilkan sesuatu produk yang baharu daripada bahan-bahan yang hendak dibuang. Terdapat pelbagai manfaat dan kelebihan jika kita mengamalkan amalan kitar semula. Antara faedah amalan kitar semula ialah kita dapat menjana pendapatan sampingan. Seterusnya, kita juga dapat mengurangkan kesan rumah hijau serta turut mengurangkan penggunaan bahan mentah yang sedia ada. Akhir sekali ialah dapat menangani masalah kekurangan tapak pelupusan sampah. Kesimpulannya, terdapat pelbagai faedah kitar semula yang boleh diperolehi jika kita mengamalkan amalan yang baik ini.

### Bahagian D

#### Pendahuluan:

Sekolah Kebangsaan Padang Midin – Hari Kokurikulum – minggu lepas – pelbagai aktiviti – memeriahkan sambutan

#### Isi-isi Penting

##### Isi 1:

semua warga sekolah – berkumpul – di dewan – dihiasi dengan pelbagai bunga segar – tepat pukul 8.30 pagi – majlis bermula – nyanyian lagu Negaraku – bacaan doa

##### Isi 2:

Guru Besar – dijemput memberikan ucapan – merasa syukur – berharap agar – majlis berjalan dengan lancar – meningkatkan semangat kerjasama – murid dan guru

##### Isi 3:

persembahan kawad kaki – tabik hormat – pengakap – kemudian – ahli pandu puteri – menunjukkan – persembahan kawad kaki – memberi tepukan gemuruh

##### Isi 4:

aktiviti sukaneka – larian berhalangan – aktiviti lari dari guru-guru dan murid – bekerjasama dalam kumpulan – memenangi semua pertandingan

#### Penutup:

penyampaian hadiah – guru besar – rumah merah – rumah sukan yang mendapat tempat pertama – pulang dengan perasaan gembira